

# Biar waspada!

## ■ Ibu bapa perlu pantau anak guna Internet supaya tidak terpengaruh unsur negatif

Oleh Intan Mas Ayu Shahimi

imas@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**A**ktif di laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram kini sudah menjadi rutin harian hampir setiap individu terutama remaja.

Ramai yang mendaftar di laman berkenaan untuk tujuan peribadi, namun tak kurang juga yang menjadikannya tempat untuk mengembangkan sayap perniagaan.

Begitupun, dalam rancangan bersosial, pasti ada pihak yang mengambil kesempatan menyebarkan pautan mengandungi iklan, gambar serta cerita lucah.

Selaku orang paling hamipir, ibu bapalah yang disaran bertindak telus dalam

mendidik, sekali gus membuang sikap sambil lewa bagi memastikan anak-anak tidak mudah terjerat dengan pengaruh laman web lucah.

Pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Nur Izura Udzir berkata, ibu bapa memainkan peranan besar dalam memantau pergerakan anak, terutama membabitkan penggunaan komputer, gajet dan telefon bimbit.

"Ramai yang bertanya kedaerah terbaik untuk mengawal anak-anak daripada melayari laman lucah. Tapi jawapannya adalah peranan ibu bapa sendiri.

"Asasnya, jangan letakkan komputer di bilik atau biarkan mereka bersama gajet tanpa pemantauan. Sebaik-

nya, komputer diletakkan di ruang keluarga dan penggunaan gajet dihadkan pada masa tertentu.

"Ini penting dalam mendidik minda anak-anak, sekali gus memantau aktiviti mereka ketika menggunakan khidmat atas talian," katanya.

Jelas Dr Nur Izura, pemantauan sedemikian tidak terhad kepada anak remaja, tapi turut perlu kepada anak kecil yang gemar melayari laman YouTube.

"Kadangkala kita lihat anak remaja leka dengan Facebook. Namun kita sering lupa bahawa banyak pautan yang diiklankan di laman sosial berkenaan boleh mendedahkan mereka kepada perkara tidak elok," katanya.